



01 AUG, 2024

Upah RM100 seludup tembakau

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Upah RM100 seludup tembakau

Dua lelaki tempatan ditahan bawa barang bernilai RM253k dari Thailand untuk pasaran di Perak

Oleh Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Upah RM100 seorang 'membutakan' dua lelaki warga tempatan untuk menjadi pengkhianat negara dengan menyeludup lebih 3.9 tan tembakau bernilai keseluruhan RM253,491.18.

Ia terdedah selepas kedua-duanya bekerja untuk sindiket penyeludupan ditahan di Jalan Machang-Jeli di sini, 24 Julai lalu.

Pengarah Kastam Kelantan Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, terdahulu, pihaknya menerima maklumat awam menahan sebuah lori serta dua lelaki, kedua-duanya berusia 30-an, di lokasi terbabit, jam 11 malam.

Pemeriksaan mendapati, kedua-duanya membawa muatan tembakau dipercayai diseludup dari negara jiran untuk dipasarkan ke Perak.



WAN Jamal Abdul Salam menunjukkan bungkusan yang dirampas dalam sebuah lori yang dinaiki dua lelaki yang ditahan.

"Mereka menyeludup tembakau itu melalui Sungai Golok dengan menaiki sampan atau bot sebelum dimasukkan ke dalam lori di pangkalan haram.

"Hasil siasatan juga mendapati, kedua-dua suspek adalah transporter yang diupah RM100 seorang untuk membawa tembakau ke destinasi dituju.

"Mereka juga biasanya bergerak pada waktu malam bagi mengelak daripada dikesan pihak berkuasa serta memilih pangkalan haram tersorok," katanya



TEMBAKAU yang diseludup masuk dari Thailand

pada sidang media di Pejabat Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kota Bharu, semalam.

Wan Jamal berkata, ram-

pasan tembakau terbabit adalah yang terbesar di Kelantan untuk tahun ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 135 (1)(e) Akta Kastam 1967.



01 AUG, 2024

Upah RM100 seludup tembakau

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

Dua lelaki tempatan ditahan bawa barang bernilai RM253k dari Thailand untuk pasaran di Perak

Kota Bharu Upah RM100 seorang ‘m e m b u t a k a n’ dua lelaki warga tempatan untuk menjadi pengkhianat negara dengan menyeludup lebih 3.9 tan tembakau bernilai keseluruhan RM253, 491.18.Ia terdedah selepas kedua-duanya bekerja untuk sindiket penyeludupan ditahan di Jalan Machang-Jeli di sini, 24 Julai lalu.